

**SYARAT-SYARAT KHAS PESERTA PROGRAM MALAYSIA MY  
SECOND HOME (MM2H) DI BAWAH ZON EKONOMI KHAS/ ZON  
KEWANGAN KHAS**

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya turut memperkenalkan syarat-syarat khas Program MM2H daripada bagi Zon Ekonomi Khas/ Zon Kewangan Khas baharu negara. Syarat-syarat khas Program MM2H bagi Zon Ekonomi Khas/ Zon Kewangan Khas adalah seperti berikut:

<b>SYARAT UMUR PENYERTAAN</b>	Pemohon berusia <b>21 tahun dan ke atas</b> terutamanya bagi tujuan menggalakkan pelaburan asing.
<b>SYARAT KEWANGAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pemohon hendaklah mempunyai <b>deposit/ simpanan tetap (FD)</b>: <ul style="list-style-type: none"> <li>- <b>USD65,000</b> bagi umur <b>21 tahun hingga 49 tahun</b>; dan</li> <li>- <b>USD32,000</b> bagi umur <b>50 tahun dan ke atas</b></li> </ul> </li> <li>ii. FD disimpan di dalam mana-mana institusi kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759].</li> <li>iii. Pengeluaran maksimum sebanyak <b>50% dibenarkan ke atas nilai prinsipal FD selepas mendapat kelulusan menyertai Program MM2H</b>, bagi tujuan <b>pembelian rumah, pendidikan, kesihatan dan aktiviti pelancongan di Malaysia</b>.</li> </ul>
<b>FI PENYERTAAN (ONE-OFF)</b>	i. Fi penyertaan sebanyak <b>RM1,000</b> bagi <b>prinsipal (one-off)</b> .

	ii. <b>TIADA</b> fi penyertaan untuk <b>tanggung</b> an.
<b>PEMBELIAN RUMAH KEDIAMAN</b>	<p>i. <b>Diwajibkan untuk membeli dan memiliki hartanah/rumah</b> (harga lantai tertakluk kepada dasar perolehan hartanah negeri Johor) selepas mendapat kelulusan menyertai Program MM2H.</p> <p>ii. Disyaratkan <b>pembelian rumah adalah secara terus daripada pemaju</b> (<i>property developer</i>) dan bukan melalui ejen-ejen hartanah atau pemilik sedia ada.</p> <p>iii. Hartanah/ rumah yang dibeli <b>tidak boleh dijual semula dalam tempoh 10 tahun</b>. Namun dibenarkan untuk menaiktaraf rumah (membeli rumah baharu) kepada nilai rumah yang lebih tinggi daripada rumah yang dimiliki.</p> <p>iv. Sekiranya peserta tidak mematuhi syarat-syarat ini, maka <b>pas MM2H peserta boleh dibatalkan</b>.</p>
<b>TEMPOH TINGGAL MINIMA</b>	<p>i. Berada / bermastautin di Malaysia sekurang-kurangnya <b>selama 90 hari (kumulatif) dalam setahun</b>.</p> <p>ii. Bagi peserta berumur 21 hingga 49 tahun, keberadaan di Malaysia hendaklah dipenuhi sama ada oleh prinsipal atau tanggungan masing-masing.</p>
<b>TANGGUNGAN</b>	<p>Peserta <b>dibenarkan</b> untuk membawa tanggungan masing-masing yang terdiri daripada:</p> <p>i. pasangan (isteri/ suami);</p>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>ii. anak kandung/ anak tiri/ anak angkat di bawah 21 tahun, manakala yang berusia antara 21 tahun hingga 34 tahun adalah mereka yang tidak bekerja atau tidak berkahwin di Malaysia;</li> <li>iii. anak kurang upaya (tiada had umur) yang disahkan oleh pakar perubatan; dan</li> <li>iv. ibu bapa dan/ atau ibu bapa mertua.</li> </ul>
<b>PAS MM2H</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pas MM2H bagi tempoh <b>10 tahun</b> dengan MEV untuk prinsipal dan tanggungan.</li> <li>ii. Boleh diperbaharui.</li> <li>iii. Tempoh sah pelekat keselamatan adalah berdasarkan kepada tempoh pas MM2H yang diluluskan tertakluk kepada tempoh sah laku passport peserta.</li> <li>iv. Sekiranya tempoh sah laku passport peserta tamat sebelum tempoh pas MM2H, maka peserta perlu memperbaharui pelekat keselamatan tersebut.</li> </ul>
<b>PENDIDIKAN</b>	<b>Dibenarkan</b> untuk tanggungan (anak) melanjutkan pelajaran di Malaysia sehingga peringkat pengajian tinggi di Institut Pendidikan Tinggi (IPT) yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia. Tanggungan (anak) dibenarkan menggunakan Pas MM2H sedia ada atau diberi Pas Pelajar secara automatik.
<b>PERUBATAN</b>	<b>Dibenarkan</b> bagi menjalani rawatan jangka panjang di Malaysia.
<b>KEGIATAN PERNIAGAAN/ PELABURAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. <b>Tidak dibenarkan.</b></li> <li>ii. Perlu mohon pas yang berkaitan.</li> </ul>

<b>PELUANG PEKERJAAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. <b>Tidak dibenarkan.</b></li> <li>ii. Perlu mohon pas yang berkaitan.</li> </ul>
<b>SARINGAN KESIHATAN</b>	<p><b>Diwajibkan</b> untuk menjalani pemeriksaan kesihatan di klinik/hospital (klinik panel) yang dilantik oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya bagi prinsipal dan tanggungan selepas mendapat kelulusan menyertai Program MM2H. Klinik panel ini adalah bagi memastikan perkhidmatan dan caj yang dikenakan kepada semua pemohon Program MM2H adalah standard.</p>
<b>KELEBIHAN PROGRAM</b>	<p><b>Pengecualian cukai</b> ke atas dana yang dibawa masuk seperti FD.</p>
<b>PERMOHONAN TUKAR PRINSIPAL</b>	<p>Sekiranya prinsipal meninggal dunia, maka Pas MM2H si mati dibenarkan untuk <b>dipindahmilik kepada waris yang terdekat</b> (<i>next-of-kin</i>) yang merupakan tanggungan yang dinamakan oleh prinsipal.</p>
<b>TERMA PEMBAHARUAN (RENEWAL) PAS</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pas boleh <b>diperbaharui bagi tempoh setiap 5 tahun</b> selepas tempoh maksimum keahlian program tamat.</li> <li>• Pemohon perlu mengemukakan semula dokumen terkini seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Salinan pasport yang masih sah laku (<i>valid passport</i>)</li> <li>ii. Salinan laporan perubatan</li> <li>iii. Insurans kesihatan</li> </ul> </li> <li>• Permohonan pembaharuan (<i>renewal</i>) akan diserahkan kepada Pusat Sehati MM2H/ Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).</li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Fi pas (renewal) adalah RM300 untuk prinsipal dan tanggungan.</b></li></ul>
--	--

*Disediakan oleh:*

*Pusat Sehenti Malaysia My Second Home (OSC MM2H)*

*Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya*